



## جابتنه كهاكيم شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
*Department Of Syariah Judiciary Malaysia*  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 ( ۵۲ )  
Takwim : ۲۵ Rabi'ul Akhir 1441H  
Tarikh : ۲۳ Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

### ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2019

#### Pendengaran Permohonan Perintah Interim/Injunksi *Ex-Parte* Yang Difailkan Atas Perakuan Segera

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul'Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Pendengaran Permohonan Perintah Interim/Injunksi *Ex-Parte* Yang Difailkan Atas Perakuan Segera.

2. Sesuatu permohonan perintah interim yang difailkan atas Perakuan Segera hendaklah dikendalikan seperti yang berikut:

- (1) sejurus selepas difailkan, permohonan *ex-part*e tersebut hendaklah dibawa kepada perhatian YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (selepas ini disebut YA Hakim) berkenaan.
- (2) YA Hakim berkenaan hendaklah seberapa segera menentukan tahap kesegeraan permohonan *ex-part*e tersebut ;

- (3) Jika YA Hakim berkenaan mendapati bahawa—
- (a) permohonan *ex-parte* tersebut berada di tahap kesegeraan yang melampau, YA Hakim berkenaan hendaklah dengan serta merta mendengar permohonan itu;
  - (b) permohonan *ex-parte* tersebut perlu disegerakan perbicaraannya, permohonan itu hendaklah didengar tidak lewat daripada hari bekerja berikutnya; atau
  - (c) permohonan *ex-parte* tersebut tidak perlu disegerakan perbicaraannya, permohonan itu hendaklah didengar pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara sebagaimana YA Hakim berkenaan fikirkan wajar dan patut, termasuklah memberi arahan penyerahan kertas permohonan untuk pendengaran secara inter-partie.
- (4) walau bagaimanapun, pendengaran permohonan secara inter-partie hendaklah ditetapkan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan *ex-parte* tersebut difailkan.

3. Perakuan Segera adalah seperti mana lampiran.

4. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2016: Garis Panduan Prosiding Ex-Parte Hadhanah dan Injunksi.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



**(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)**

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA

Lampiran

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DI MALAYSIA  
DI

Kes No.: .....

DI ANTARA

NAMA ..... PEMOHON

DENGAN

NAMA ..... RESPONDEN

**PERAKUAN SEGERA**

Saya ..... Pemohon/Peguam Syarie bagi  
Pemohon, dengan ini memohon supaya Permohonan Perintah Interim  
..... ditetapkan pendengaran dengan  
segera kerana;

1. ....
2. ....
3. ....

Bertarikh pada ;

.....  
Pemohon/Peguam Syarie

*Perakuan Segera ini difaikkan oleh .....*